

**MAHATHIR - PEKERJA**

KOTA BAHARU, 28 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR HARI INI MENGINGATKAN PARA PEKERJA TENTANG BAHAYA YANG DIHADAPI, SEKIRANYA KESATUAN PEKERJA TIDAK MENGGUNAKAN KUASA MEMPERJUANGKAN HAK PEKERJA SECARA BETUL DAN BERHATI-HATI.

KATANYA, PENDEKATAN BERCORAK KONFRONTASI TERHADAP MAJIKAN ATAU KERAJAAN, SEMATA-MATA UNTUK MENUNJUKKAN KEKUATAN PIMPINAN MASING-MASING, HANYA MERUGIKAN SEMUA PIHAK.

+KESATUAN DISIFATKAN SEBAGAI BADAN YANG BOLEH MENJADI SEKATAN SEKIRANYA BERLAKU PENINDASAN TERHADAP PEKERJA, DAN SETIAP TINDAKAN UNTUK MEMASTIKAN INI TIDAK BERLAKU, BOLEH DIURUSKAN MELALUI RUNDINGAN+, KATANYA SEMASA MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN KAKITANGAN ISLAM KERAJAAN KUMPULAN C DAN D DI BALAI ISLAM DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TUNTUTAN LAIN YANG BERKAITAN DENGAN PEKERJA JUGA HARUS DILAKUKAN MENGIKUT PROSES RUNDINGAN UNTUK MENCAPAI KATA SEPAKAT DAN BUKANNYA MELALUI UGUTAN MOGOK DAN SEBAGAINYA.

+KALAU MENARIK BENANG DALAM TEPUNG... BIARLAH BENANG ITU TAK PUTUS DAN TEPUNG PULA TAK BERKECAI+, KATANYA SAMBIL MENEGASKAN PENTINGNYA DICARI JALAN SEDERHANA DALAM SEBARANG TINDAKAN. -- LAGI.  
1514MST 28 09 90

U B745 BAH

MAHATHIR - PEKERJA 2 KOTA BAHARU

DALAM HAL INI, PERDANA MENTERI MENASIHATKAN PEKERJA SUPAYA TIDAK MUDAH TERPENGARUH DENGAN SESETENGAH PEMIMPIN KESATUAN YANG MENGGUNAKAN PEKERJA UNTUK MEMBANTU MEMPERJUANGKAN CITA-CITA POLITIK MEREKA.

KATANYA, MEREKA INI YANG KONONNYA POPULAR DENGAN TINDAKAN MENUNTUT HAK PEKERJA SECARA AGRESIF, SEBENARNYA TIDAK MEMIKIRKAN KESAN DARIPADA TUNTUTAN YANG DIBUAT, TERHADAP KEDUDUKAN EKONOMI DAN KESTABILAN POLITIK NEGARA.

+PEMIMPIN YANG BERSIKAP DEMIKIAN BIASANYA TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG TIDAK BERPELUANG BERJAYA DALAM POLITIK DAN MENGGUNAKAN KESATUAN SEBAGAI LANDASAN UNTUK MENJADI LEBIH POPULAR.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEKERJA JUGA SEHARUSNYA PEKA DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA DALAM MEMBUAT TUNTUTAN UNTUK NAIK GAJI DAN SEBAGAINYA.

SAMBIL MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMENUHI TUNTUTAN MENGIKUT KEUPAYAAN YANG ADA, BELIAU JUGA MENGINGATKAN MEREKA SUPAYA TIDAK MUDAH MERUJUK KEPADA TINDAKAN MOGOK, SEMATA-MATA UNTUK MENCABAR MAJIKAN.

+KITA BOLEH LIHAT KESAN TINDAKAN MOGOK INI TERHADAP SEBUAH NEGARA YANG MAJU SEPERTI BRITAIN DAN KITA JUGA DAPAT LIHAT KEADAAN EKONOMI BEBERAPA NEGARA YANG TUNDUK KEPADA TUNTUTAN GAJI YANG TIDAK MUNASABAH+, KATANYA. -- LAGI.  
1517MST 28 09 90

U B746 BAH

MAHATHIR - PEKERJA 3 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TIADA GUNANYA KERAJAAN MEMENUHI TUNTUTAN KENAIKAN GAJI PEKERJA JIKA DALAM MASA YANG SAMA INFLASI MENINGKAT, HUTANG NEGARA BERTAMBAH DAN KUASA MEMBELI BERKURANGAN.

SETAKAT INI URUSAN KEWANGAN NEGARA DIKAWAL DENGAN BAIK DAN KADAR INFLASI DAPAT BERTAHAN DI TAHAP DUA PERATUS SETAHUN, KATANYA SAMBIL MEMBERI CONTOH NEGARA SEPERTI ARGENTINA DAN BRAZIL YANG MENGALAMI KADAR INFLASI SEHINGGA 20,000 PERATUS SETAHUN.

BELIAU BERKATA MALAYSIA TIDAK MAHU MENJADI MUFLIS DAN TIDAK AKAN MENJADI SEPERTI BRAZIL, MEXICO DAN NIGERIA, MISALNYA, YANG TERPAKSA BERHUTANG DI SERATA TEMPAT UNTUK MENANGGUNG URUSAN DALAM NEGARA.

+SEBALIKNYA KITA MENJADI NEGARA CONTOH OLEH BANK DUNIA KERANA MEMBAYAR BALIK HUTANG SECARA TERATUR+. -- LAGI.

D757

U B747 BAH  
MAHATHIR - PEKERJA 4 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENINGGATKAN PEKERJA TENTANG PENTINGNYA MEREKA MEMASTIKAN KESTABILAN POLITIK NEGARA SENTIASA TERPELIHARA.

+SEMEMANGNYA MENJADI HAK KITA DALAM MENGAMALKAN DEMOKRASI, UNTUK MEMILIH PEMIMPIN YANG BOLEH MEMBERI KHIDMAT TETAPI DALAM MASA YANG SAMA IA TIDAK BOLEH DIAMALKAN SEPERTI MENUKAR BAJU,+ KATANYA.

KATANYA, TELAH MENJADI HAKIKAT BAHAWA PEMIMPIN YANG TERLALU LAMA MEMERINTAH DENGAN DIBERI KUASA TANPA SEKATAN, AKAN MEMBAWA KESAN YANG BURUK.

INI BOLEH DILIHAT MELALUI PEMERINTAHAN HITLER YANG PADA SATU KETIKA TELAH MEMBANGUNKAN NEGARNYA TETAPI KEMUDIAN MEMBAWANYA KEPADA KEHANCURAN.

OLEH ITU, PARA PEKERJA HENDAKLAH MEMAHAMI SISTEM DEMOKRASI ITU DALAM ERTI KATA YANG SEBENARNYA DAN TIDAK MEMBUAT SESUATU YANG MENIDAKKAN HAK MEREKA SENDIRI.

BELIAU BERKATA AMALAN SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN YANG DIAMALKAN MERUPAKAN SISTEM YANG MENJAMIN KEADAAN YANG BAIK BAGI NEGARA INI.

+OLEH ITU IA HARUS DIKALKAN DENGAN MASING-MASING BEBAS MEMELIHARA HAK MEREKA SENDIRI+, KATANYA. -- LAGI.  
1525MST 28 09 90

D758

U B748 BAH  
MAHATHIR - PEKERJA 5 KOTA BAHARU

BELIAU YAKIN TIADA SIAPAPUN YANG MAHU MELIHAT NEGARA INI DIPIMPIN OLEH GOLONGAN YANG TIDAK PANDAI MENGURUS KEWANGAN NEGARA ATAU GOLONGAN YANG MENAFIKAN KEBEBASAN BERSUARA RAKYAT SEHINGGA MARUAH NEGARA TERGADAI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI CONTOH BAGAIMANA MARUAH NEGERI KEDAH TERCEMAR PADA TAHUN 1911 KERANA TERPAKSA DISERAHKAN KEPADA PENTADBIR EKONOMI INGGERIS BERPUNCA DARIPADA HUTANG YANG TIDAK DAPAT DIBAYAR KEPADA SIAM.

KATANYA, RAKYAT YANG KETIKA ITU TIDAK DITANYA PENDAPAT MEREKA, MENANGGUNG AKIBAT KERANA HUTANG \$5 JUTA YANG DIPINJAM UNTUK MEMBIAYAI PERKAHWINAN LIMA ANAK RAJA.

HAL YANG SERUPA BOLEH BERLAKU SEKIRANYA RAKYAT TIDAK MENGGUNAKAN HAK MEREKA DAN PEMIMPIN YANG DIBERI AMANAH TIDAK MEMELIHARA KHAZANAH YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN KEPADANYA, KATANYA. -- BERNAMA.  
1527MST 28 09 90